Kejayaan sofbol wanita imbau kenangan wakili negara



ZURAIDA (tengah) bergambar bersama pasukan Sofbol negara ketika menyambut ketibaan mereka di KLIA. FOTO BERNAMA

**Siti A'isyah Sukaimi**

*sitiaisyah@hmetro.com.my*

KEJAYAAN skuad sofbol wanita negara meraih pingat gangsa dalam Sukan SEA, sekali gus mengakhiri kemarau 40 tahun kerana buat pertama kali dalam sejarah memenangi pingat itu turut mendapat perhatian Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Ketika menyambut kepulangan pasukan terbabit di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), beliau melahirkan rasa bangga atas kejayaan skuad terbabit.

"Selama 40 tahun dan Malaysia memecah kemarau kerana tidak pernah memenangi acara sofbol wanita. Mereka ini mengharumkan nama negara dan saya juga turun di Manila, Filipina melihat permainan mereka.

"Mutu permainan mereka sangat tinggi dan baik. Jika dikekalkan dan dilatih, akan memecah rekod lagi.